



**BAHAGIAN REGULATORI  
FARMASI NEGARA  
(NPRA)**

# **SEMAKAN STATUS PENDAFTARAN UBAT**

Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz  
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: +603-7883 5400  
Faks: +603-7956 2924, +603-7956 7075  
Emel: [npra@npra.gov.my](mailto:npra@npra.gov.my)  
Laman Web: [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my)

## **NOMBOR PENDAFTARAN PRODUK**

### **BAGAIMANA UNTUK MENGENALPASTI NOMBOR PENDAFTARAN PRODUK BAGI UBATAN BERDAFTAR DI PASARAN MALAYSIA?**

Semua produk ubat-ubatan di Malaysia, termasuk ubat-ubatan import, mesti berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ia boleh dijual atau dipasarkan kepada pengguna. Ubat-ubatan berdaftar perlu memaparkan kedua-dua nombor pendaftaran (sebagai contoh MAL20195467T) dan stiker Meditag Hologram pada label atau bungkusan.



Nombor pendaftaran ubat yang sah bermula dengan huruf "MAL", diikuti dengan 8 digit nombor dan di akhiri dengan huruf-huruf yang menunjukkan kategori pendaftaran produk tersebut iaitu:

**A – ubat mengandungi racun terkawal**

**X – ubat yang tidak mengandungi racun terkawal / OTC**

**T - ubat tradisional**

**N – natural produk/ubat suplemen kesihatan**

**H – Ubat Veterinar**



Nombor Pendaftaran

Hologram Meditag™

Di samping itu, berkemungkinan terdapat kod pentadbiran yang digunakan oleh pihak NPRA diletakkan selepas kategori produk. Kod pentadbiran tersebut adalah :

**C – Contract Manufactured (produk dikilangkan oleh pengilang kontrak berstatus GMP)**

**E – For Export Only (FEO) (produk hanya boleh dijual bagi tujuan export sahaja dan bukan di pasaran tempatan)**

**R – Packed and/or repacked (produk dibungkus dan/atau dibungkus semula oleh packer dan/atau repacker yang berstatus GMP)**

**S – Second source (produk daripada sumber kedua / pengilang kedua yang diiktiraf)**

**Y – Orphan products**

**Z – Produk yang digezetkan sebagai berkadar sifar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.**



## CONTOH NOMBOR PENDAFTARAN UBAT

MAL12035013X

Panadol Extra Caplet

MAL19972440T

Nutri-Home Cough Syrup

MAL19971148TC

UNICOUGH SYRUP

MAL07090911AZ

Hovasc 5mg Tablet

# ADAKAH UBAT SAYA BERDAFTAR DENGAN KKM?

Berikut adalah cara-cara untuk menentukan sama ada ubat yang anda gunakan telah diluluskan oleh NPRA (KKM):

## 1. LAMAN WEB NPRA

Layari [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my) > **Carian Produk Berdaftar/Notifikasi**

- Pilih "**Product Category**" (pilih "Pharmaceutical" untuk ubat)
- Cara paling mudah untuk carian adalah dengan cara memilih nombor "**product registration number**" dan memasukkan nombor MAL yang berkaitan.
- Sekiranya nombor MAL tidak terdapat pada label produk anda, sila lakukan carian dengan memasukkan nama produk, nama pemegang pendaftaran produk, nama pengilang, nama pengimport atau bahan aktif.




The screenshot shows the NPRA website's QUEST 3+ Product Search interface. At the top, there is a navigation bar with the NPRA logo and the text 'Official Portal NATIONAL PHARMACEUTICAL REGULATORY AGENCY MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA'. Below the navigation bar, there are links for 'HOME', 'ABOUT NPRA', 'INFORMATION', and 'CONSUMER'. The main content area features the 'QUEST 3+' logo and the text 'SISTEM PENDAFTARAN PRODUK & PERLESENAN'. Below the logo, there is a search form with the following fields: 'Product Category' (with radio buttons for 'Pharmaceutical' and 'Cosmetic'), 'Search By' (a dropdown menu with '-- Please Select --'), and a 'Search' input field. A 'Search' button is located at the bottom right of the form.

BERIKUT ADALAH  
PAUTAN KEPADA  
ENJIN CARIAN  
PRODUK DI LAMAN  
WEB NPRA:



## 2. MUAT TURUN APLIKASI "NPRA PRODUCT STATUS" KE TELEFON MUDAH-ALIH







### 3. PERIKSA KEASLIAN LABEL MEDITAG HOLOGRAM MELALUI APLIKASI MUDAH ALIH “MEDITAG CHECKER”

Stiker keselamatan Meditag Hologram digunakan pada semua produk farmaseutikal bagi meningkatkan keselamatan dan identiti produk yang berdaftar dengan KKM. Stiker Hologram Meditag mempunyai ciri keselamatan yang tinggi dan setiap satu diberikan nombor siri.

Stiker hologram versi ketiga (Meditag III) telah diperkenalkan dan mula digunakan pada 1 November 2012 lengkap dengan ciri-ciri keselamatan terkini dan lebih mesra pengguna.



sumber imej : myhealth.gov.my